

**THE LEVEL OF ACCEPTANCE AND INTENT TO CONTINUE USING
DIGITAL ZAKAT APPLICATIONS AMONG THE COMMUNITY: A
PRELIMINARY STUDY**

**TAHAP PENERIMAAN DAN NIAT MENERUSKAN PENGGUNAAN APLIKASI
ZAKAT DIGITAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT: SATU KAJIAN AWAL**

Noraini Saro¹, Azri Bhari² & Affandi Mat Rani³

¹ Calon PhD, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
norainisaro@gmail.com

² (Corresponding author) Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). azrib178@uitm.edu.my

³ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
mohdafandi@uitm.edu.my

Vol. 16. No. 1
April Issue
2023

Abstract

Towards Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0), now zakat institutions in Malaysia have taken steps towards a digital zakat management system. The institution of zakat, is an important institution in ensuring that the Islamic economy is always at the forefront, not lagging behind in supporting the growth of technology and the development of social media platforms that are able to have a positive impact on the daily lives of today's society. The spread of Covid-19 is also one of the factors in the widespread use of digital in all sectors, including the implementation of zakat by using the digital platform provided by zakat institutions. The objective of this study is to examine the acceptance and intention to continue using the zakat application developed in Malaysia. This study was carried out around Selangor, Kuala Lumpur and Kedah, a total of 300 respondents from various backgrounds answered the distributed survey. For data analysis, the researcher used descriptive analysis to see the level of community acceptance of the transformation of the digital zakat management system. The results of the study found that the level of acceptance of the implementation of zakat through digital platforms is at a high level. There are several elements that need to be refined to encourage and maintain the community using the digital zakat platform.

Keywords: Zakat, Digital, Platform, Acceptance, Willingness.

Abstrak

Menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), kini institusi zakat di Malaysia telah mengorak langkah ke arah sistem pengurusan zakat digital. Institusi zakat, merupakan institusi penting dalam memastikan ekonomi Islam sentiasa kehadapan, tidak ketinggalan dalam menyokong pertumbuhan teknologi dan pembangunan platform media sosial yang mampu memberi impak positif dalam kehidupan harian masyarakat kini. Penularan Covid-19 juga menjadi salah satu faktor

penggunaan digital diperluaskan disemua sektor ini termasuk juga pelaksanaan zakat dengan menggunakan platform digital yang disediakan oleh pihak institusi zakat. Objektif kajian ini adalah mengkaji penerimaan dan niat meneruskan dalam penggunaan aplikasi zakat yang dibangunkan di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Kedah, seramai 300 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah menjawab kaji selidik yang diedarkan. Bagi analisis data, pengkaji menggunakan analisis deksriptif bagi melihat tahap penerimaan masyarakat terhadap penerimaan transformasi sistem pengurusan zakat digital. Hasil kajian mendapati tahap penerimaan pelaksanaan zakat melalui platform digital adalah ditahap yang tinggi. Terdapat beberapa elemen yang perlu diperhalusi bagi mengalakkan dan mengekalkan masyarakat menggunakan platform zakat digital.

Kata kunci: Zakat, Digital, Platform, Penerimaan, Niat.

PENGENALAN

Zakat dari segi bahasa bererti “bersih”, “suci”, “subur”, “berkat” dan “berkembang” pengertian “bersih” dan “suci” dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dan membersihkan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil. Dalam erti yang lain ialah membersihkan diri daripada sifat dengki dan dendam terhadap orang kaya (Abd Rashid et al., 2018). Manakala dari segi syarak zakat bermaksud hak yang wajib terhadap harta iaitu mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu dengan syarat-syarat dan kadar tertentu kepada golongan yang layak menerima zakat (asnaf). Zakat merupakan kewajipan agama yang sepatutnya dilaksanakan oleh umat Islam untuk membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Ini boleh membantu mencegah jenayah seperti kecurian, kemiskinan dan masalah lain (Mohd Firdaus, 2017).

Pada zaman awal Islam, kutipan zakat dilakukan melalui seorang yang dipanggil amil. Apabila amil dan pembayar zakat bertemu, pembayar zakat akan memberikan amil jumlah zakat yang ingin dibayar. Perkembangan teknologi semakin pesat, dan Islam sentiasa menyokong umatnya. Contohnya, skim potongan gaji memudahkan orang ramai membayar zakat. Malah, beberapa perkhidmatan dalam talian seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas dan kaunter pusat zakat di tempat awam, direka khusus untuk membantu umat Islam menunaikan zakat dengan lebih mudah (Mohd Noor, Azura & Saad, Ram Al Jaffri, 2015).

Revolusi Industri 4.0 telah menyumbang kepada perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Antara perkembangan teknologi yang diperkenalkan ialah Fintech yang mana ia merujuk kepada teknologi kewangan (*financial technology*) terkini. *Blockchain*, Teknologi Lejer Teragih (*Distributed Ledger Technology*), Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), *IOT*, *Big Data Analytics* adalah sebahagian teknologi yang sedang mengadaptasi kewangan konvensional dan tradisional. Industri kewangan dan perbankan tidak lagi dilihat eksklusif dalam menyediakan produk kewangan yang komprehensif. Apabila konsep pembayaran elektronik (*e-payment*) diperkenalkan, ia mempercepatkan banyak transaksi tradisional. Pengguna tidak perlu lagi beratur panjang untuk tujuan pembayaran bil, yuran dan pemindahan sebaliknya cukup dengan melayari aplikasi atau web pembayaran pada bila-bila masa dan dimana sahaja. Inovasi ini sahaja sudah cukup memberikan penyelesaian kepada pengguna.

Sejajar dengan peredaran semasa, kini institusi-institusi zakat telah mula mengorak langkah kearah pendigitalan, yang mana aktiviti-aktiviti seperti kutipan zakat, agihan serta informasi juga permohonan zakat mula dilaksanakan dengan kepelbagaian platform aplikasi zakat. Pada masa kini aktiviti-aktiviti pendigitalan telah mula dilaksanakan sama ada institusi zakat membangunkan aplikasi sendiri mahupun

pelaksanaan zakat digital melalui kerjasama bersama syarikat-syarikat luar.

Tambahan lagi, kesan penularan wabak penyakit berjangkit Covid-19 ini menyebabkan kebanyakan aktiviti bersemuka sangat terhad. Oleh itu, penglibatan dalam pendigitalan adalah lebih positif, termasuk pelaksanaan Zakat. Namun begitu, sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap sistem pengurusan zakat kearah pendigitalan pada masa kini. Dalam artikel ini pengkaji akan membincangkan tahap dan faktor penerimaan masyarakat terhadap pendigitalan dalam sistem pengurusan zakat.

Pada masa kini, dapat dilihat aktiviti seperti e-dompet (*e-wallet*) telah diperkenalkan dan diguna secara meluas dalam pelbagai sektor. Kini sebarang bentuk pembayaran semakin mudah. Pengguna perlu memiliki kod tersendiri dan pemindahan kepada pihak lain hanya dengan hanya menggunakan kod sahaja. Pengguna dan pedagang hanya perlu satu 'scan' untuk memindahkan wang antara satu sama lain. Ia berperanan seperti dompet tradisional. Apabila pengguna pergi ke kedai untuk membeli barang, pengguna memindahkan wang dari dompet mereka ke dompet pekedai. Yang membezakan dompet biasa dan *e-wallet* hanyalah bentuknya; dompet berbentuk fizikal manakala *e-wallet* dalam bentuk maya. Contoh *e-wallet* yang terkenal di Malaysia adalah *GrabPay*, *Touch n Go*, *Boost*, dan *SnapPay*. Di dunia, *Samsung Pay*, *Alipay*, *Googlepay* adalah jenama yang popular (Mirza, 2021) Perkembangan teknologi ini juga memberi ruang dan peluang kepada institusi zakat dalam melaksanakan sistem pengurusan digital, yang mana pembayaran zakat, perolehan maklumat zakat, agihan, permohonan hanya dilaksanakan menggunakan aplikasi zakat digital yang disediakan. Kini terdapat beberapa institusi zakat telah mula membangunkan aplikasi zakat bagi memudahkan pengurusan zakat. Antaranya ialah Lembaga Zakat Kedah (LZNK), yang telah memperkenalkan aplikasi *Zakat On Touch* (ZoT) yang mana ia dapat memudahkan masyarakat Islam menunaikan kewajipan berzakat dan sebagainya. Namun, sejauh manakah aplikasi zakat digital ini diterima dan akan diteruskan penggunaannya oleh pengguna.

KAJIAN LEPAS

Senario Sistem Pendigitalan dalam Institusi zakat

Pendekatan inovatif dan penambahbaikan berterusan dijangka menghasilkan pelbagai cara yang dapat memudahkan pembayar zakat. Dari masa ke masa, saluran pembayaran jenis baru telah dibuat seperti potongan gaji, kaunter bank, kaunter pejabat pos, ejen yang dilantik, portal internet dan sebagainya. Pertumbuhan pembayaran dari kebanyakan saluran yang ada jelas menggambarkan keperluan untuk saluran tersebut. Pengenalan portal internet sebagai saluran pembayaran zakat baru telah dimulakan sejak Ogos 2011 (Muhsin Nor Paizin, 2019).

Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga telah membangunkan platform bagi memudahkan masyarakat melaksanakan zakat. Lembaga Zakat Selangor (LZS) meneroka aplikasi telefon pintar dengan memperkenalkan Ezakat pada tahun 2015 yang mana jauh lebih awal daripada LZNK. Melalui aplikasi ini pengguna boleh mendapatkan info-info zakat, cara pengiraan zakat, menyemak bayaran zakat dan boleh melaporkan asnaf yang mungkin layak menerima zakat (Khairul Izwan, 2015). Ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat mestilah dijaga kerana ianya kayu ukur kepercayaan pembayar zakat kepada institusi zakat tersebut. Selain itu, LZS turut melaksanakan E-Dialisis, E-Pendidikan, E-PAK, Sistem Potongan Gaji Online (E-SPG), E-Majikan, Ezakat Online (EZO) dan aplikasi peranti Zakat Selangor (Nursyafika Suhaimi, 2021)

Seterusnya pembabitan sistem pengurusan kearah pendigitalan dapat dilihat di LZNK. LZNK adalah di antara institusi zakat yang terkehadapan dalam aspek inovasi dan penggunaan teknologi maklumat untuk pengurusan zakat. Pendekatan media juga aktif digunakan dalam meningkatkan penyebaran maklumat. LZNK telah mewujudkan aplikasi *Zakat On Touch* (ZoT), yang telah diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada Disember 2019. Tujuan aplikasi ini diperkenalkan adalah untuk memudahkan pihak pengurusan serta pembayar zakat memantau dan menyemak kutipan serta pengagihan zakat menggunakan telefon pintar secara telus dan efisien (Unit Media Zakat LZNK, 2019).

Penggunaan ZoT sangat membantu penolong amil dalam mengemaskini data bantuan yang telah diberikan kepada penerima zakat dengan hanya mengimbas kad pengenalan penerima zakat sahaja. Melalui ZoT juga, para pengguna aplikasi boleh memberi maklumat mengenai mana-mana asnaf yang layak untuk menerima zakat. Data kutipan dan agihan zakat boleh dilihat dari semasa ke semasa melalui aplikasi ZoT ini. Aplikasi itu membolehkan pembayar zakat melihat sendiri ke mana wang zakat mereka diagihkan dan ini memberi keyakinan kepada mereka untuk terus membayar zakat. Keberkesanan penggunaan aplikasi ini dapat dilihat dari peningkatan hasil kutipan zakat LZNK yang ketara iaitu daripada RM140 juta pada tahun 2017 kepada RM184 juta pada tahun 2018 dan RM207.5 juta pada tahun 2019. Ini jelas menunjukkan kesan positif aplikasi ini (Johari Yap, 2020).

Seterusnya pihak pengurusan LZNK berpandangan dalam suasana pandemik ini, institusi zakat perlu melahirkan lebih banyak inovasi baharu agar fungsi sebenar mereka benar-benar dapat dirasakan serta mampu mengurangkan impak buruk kesan pandemik Covid-19 kepada setiap lapisan asnaf dalam usaha memenuhi tuntutan maqasid syariah. Inovasi ini bermula dengan memahami maksud sebenar inovasi. Inovasi merupakan suatu idea, amalan, atau objek yang dianggap baharu. Salah satu aktiviti pendigitalan yang dilaksanakan ialah tabung khas bernama *Asnaf Care*. Dana ini akan membantu kumpulan yang terjejas.

Dalam hasil kajian Haniff et al., (2021) mendedahkan bahawa *Asnaf Care* ditubuhkan sebagai dana khas untuk membantu golongan terjejas. Dalam masa yang sukar sebegini, LZNK menyeru masyarakat khususnya penduduk Kedah agar dapat membantu antara satu sama lain dengan membuktikan solidariti dan belas kasihan kepada masyarakat dengan membuat sumbangan dalam talian serendah RM2.45. *Asnaf Care* ialah sistem dalam talian yang dibangunkan oleh kakitangan dalaman LZNK. Aplikasi ini berjaya dibina dalam masa yang singkat. Sistem tersebut menunjukkan sembilan jenis barangan yang boleh didermakan kepada asnaf. Antaranya nasi, minyak masak, sardin dan makanan lain (Haniff et al., 2021).

Tambahan lagi, LZNK telah mengadakan kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia untuk membangunkan sebuah model aplikasi yang dikenali sebagai 'Jom Lapor Asnaf'. Aplikasi ini berjaya dibangunkan dan dilancarkan untuk kegunaan orang ramai pada bulan Mei 2021. Tujuan utama pelaksanaan aplikasi ini untuk membuka ruang seluas-luasnya kepada orang ramai untuk turut membantu melaporkan mana-mana asnaf yang dijumpai mereka. Di samping itu, ia boleh meningkatkan keupayaan penyampaian maklumat berkaitan zakat. Aplikasi ini juga mampu menunjukkan ketelusan dan keberkesanan proses permohonan zakat dan mengurangkan aspek birokrasi pentadbiran. Aplikasi ini dibangunkan dengan menampilkan ciri-ciri mesra pengguna (Haniff et al., 2021).

Kesan Pendigital Terhadap Institusi Zakat

Bagi menjadikan zakat lebih berkesan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang telah memperkenalkan aplikasi yang dinamakan "e-Dermasiswa" pada Januari 2009. Aplikasi ini membantu mengagihkan zakat pendidikan dengan lebih cekap dan teratur (Teh Suhaila, 2016). Zakat adalah cukai agama yang dipungut oleh orang Islam untuk membantu menyara fakir dan miskin. Pada tahun 1984, Sudan memperkenalkan undang-undang baru yang dipanggil Akta Cukai dan Zakat Sudan, yang mewajibkan zakat bagi orang kaya. Ini menunjukkan bahawa menjadikan zakat sebagai kewajipan undang-undang dapat membantu memastikan kelangsungan jangka panjangnya dan relevan dengan perubahan semasa (Siti Suriani, 2020).

Selain itu, kepentingan sistem pengurusan zakat digital juga ialah bagi meningkatkan kepercayaan dalam kalangan masyarakat terhadap institusi zakat. Dalam kajian (Haniff, 2021), antara sebab utama banyak pihak kurang mempercayai institusi zakat adalah kerana terdapat banyak kelemahan dalam proses pengagihan zakat. Antara faktor kelemahan yang dikenal pasti adalah dari sudut pelaporan asnaf sama ada dari segi

mengenal pasti asnaf mahupun proses dokumentasi. Salah satu sebab pengagihan zakat tidak begitu dipercayai kerana kebanyakan institusi masih menggunakan sistem manual atau tidak mempunyai akses kepada sistem digital yang boleh dipercayai. Selain itu, orang ramai tidak mempercayai zakat kerana ia tidak selalu jelas ke mana ia pergi dan terdapat sedikit laporan awam mengenainya. Dengan adanya aplikasi zakat yang mampu memberi maklumat terkini mengenai jumlah kutipan dan agihan, ianya mampu mengekalkan kepercayaan orang awam terhadap kredibiliti pihak pengurusan institusi zakat (Mulyadi et al., 2018).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang kaji selidik kepada responden. Seramai 300 orang responden telah menjawab kaji selidik yang telah diedarkan melalui google form serta bersemuka. Borang kaji selidik terbahagi kepada 3 bahagian iaitu (A) Demografi (B) Penerimaan Teknologi (UTAUT) dan (C) Model Jangkaan Pengesahan (ECM). Data di analisis dengan perisian SPSS Versi 27, bagi mengukur tahap penerimaan dan niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital dalam kalangan masyarakat Islam di tiga buah negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Kedah. Selain itu, data sekunder seperti buku, artikel dan laporan rasmi beberapa agensi zakat digunakan dalam kajian ini.

HASIL KAJIAN

Demografi

		N	Peratus
Jantina	Lelaki	108	36%
	Perempuan	192	64%
Umur	21-30 Tahun	99	33%
	31- 40 Tahun	105	35%
	41- 50 Tahun	66	22%
	51 Tahun dan Ke Atas	30	10%
Pendidikan	SPM	27	9.0%
	Stpm/ Diploma	62	20.7%
	Ijazah Sarjana Muda	167	55.7%
	Sarjana / Phd	44	14.7%
Pekerjaan	Sektor Kerajaan	122	40.7%
	Sektor Swasta	95	31.7%
	Kerja Sendiri	67	22.3%
	Pesara	16	5.3%
Adakah anda melaksanakan pembayaran zakat melalui aplikasi zakat ?	Ya	264	88%
	Tidak	36	12%

Jadual 1 : Latar Belakang Responden

Jadual di atas menunjukkan latar belakang responden di Selangor, Kuala Lumpur dan juga negeri Kedah yang telah menjawab kaji selidik yang telah diedarkan. Hasil kajian mendapati seramai 108 orang responden dikalangan golongan lelaki, manakala 192 orang adalah dikalangan responden wanita. Manakala bagi kategori umur, kategori 31-40 tahun merupakan kategori tertinggi dalam kalangan responden kajian ini, iaitu seramai 105 orang. Diikuti dengan umur 21-30 tahun dengan jumlah responden seramai 99 orang.

Manakala bagi kategori umur 41 tahun – 50 tahun pula seramai 66 orang. Bagi kategori 51 tahun dan keatas pula seramai 30 orang. Seterusnya bagi tahap pendidikan pula, hasil kajian mendapati juga seramai 162 orang responden berpendidikan Ijazah Sarjana Muda, diikuti seramai 62 orang berpendidikan STPM/ Diploma. Bagi kategori pendidikan Sarjana /PhD pula ialah seramai 44 orang, dan terakhir kategori SPM seramai 27 orang. Dalam kajian ini juga mendapati seramai 122 orang responden adalah dikalangan kakitangan awam, manakala seramai 95 orang di bekerja disektor swasta, 66 orang bekerja sendiri. Hasil kajian mendapati, dan 16 orang dikalangan responden ialah pesara. Seterusnya hasil kajian mendapati bahawa seramai 264 orang responden pernah melaksanakan pembayaran zakat melalui aplikasi zakat yang telah disediakan oleh institusi zakat.

Analisis Tahap Penerimaan Penggunaan Aplikasi Zakat Digital Di Selangor

	<u>N</u>	Mean
Jangkaan Prestasi	300	4.13
Jangkaan Kemudahan	300	4.03
Jangkaan Usaha	300	3.97
Pengaruh Sosial	300	3.95
3Valid N (listwise)	300	4.02

Jadual 1: Tahap Penerimaan Penggunaan Aplikasi Zakat Digital

Berdasarkan kepada jadual di atas, penerimaan pendigitalan dalam pelaksanaan zakat dikalangan responden di Selangor adalah di tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati nilai min bagi penerimaan pendigitalan dalam melaksanakan zakat secara keseluruhan ialah sebanyak $M = 4.10$. Hasil kajian juga mendapati jangkaan pencapaian merupakan penerimaan yang tertinggi diantara ke empat-empat elemen penerimaan teknologi dengan nilai $M = 4.13$. Elemen kedua tertinggi diikuti oleh Jangkaan Kemudahan dengan nilai $M = 4.03$. Seterusnya diikuti dengan Jangkaan Usaha dengan nilai $M = 3.97$. Manakala bagi elemen Jangkaan Pengaruh Sosial dengan nilai $M = 3.95$. Bagi elemen terakhir ialah elemen Jangkaan Kemudahan dengan nilai $M = 4.02$.

	<u>N</u>	Mean
Jangkaan Kebergunaan	300	4.14
Jangkaan Kepuasan	300	4.10
Jangkaan Pengesahan	300	4.06
Niat Meneruskan	300	4.12
Valid N (listwise)	300	4.10

Jadual 2: Tahap Niat Meneruskan Penggunaan Aplikasi Zakat Digital

Jadual 2 diatas menunjukkan tahap bagi niat meneruskan penggunaan aplikasi digital dalam pelaksanaan zakat dikalangan responden di Selangor, Kuala Lumpur dan juga Kedah adalah di tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati nilai min bagi niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital dalam melaksanakan zakat secara keseluruhan ialah sebanyak $M = 4.10$. Hasil kajian juga mendapati jangkaan Kebergunaan merupakan elemen

tertinggi bagi niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital dengan nilai $M = 4.14$. Bagi nilai Jangkaan Kepuasan dan Jangkaan Pengesahan masing-masing menunjukkan nilai $M = 4.10$ dan $M = 4.06$. Manakala bagi niat meneruskan menunjukkan nilai $M = 4.12$.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, jelas masyarakat di Malaysia sudah semakin bergantung kepada cara pembayaran yang selamat, bersih dan mudah seperti pembayaran melalui aplikasi-aplikasi yang dibangunkan oleh pelbagai sektor seperti e-zakat, zakat on touch, e-wallet, lebih-lebih lagi keadaan Covid-19 yang masih belum dapat menghapuskan secara sepenuhnya. Pembayaran atas talian bukan sahaja tidak perlu membawa wang tunai, ia juga mengelakkan sentuhan badan serta tidak perlu menghabiskan masa beratur untuk melaksanakan pembayaran zakat.

Pada masa kini, dapat dilihat pembayaran atau penggunaan digital sangat meluas dalam pelbagai sector termasuklah pelaksanaan zakat. Selari dengan hasil dapatan diatas, kajian Impak Mastercard 2020 di Asia Tenggara, Malaysia mendahului dalam penggunaan e-wallet/digital sebanyak 40 peratus diikuti Filipina (36 peratus), Thailand (27 peratus) dan Singapura (26 peratus) di samping menyaksikan penggunaan tunai merosot 64 peratus sejak Covid-19 menular. (Teck 2020). Selain itu faktor hasil dapatan penerimaan dan niat meneruskan penggunaan aplikasi digital yang tinggi juga dipengaruhi oleh dengan evolusi telefon kepada telefon bimbit dan seterusnya menjadi telefon pintar telah mengubah pandangan masyarakat pada masa kini di mana setiap perkara yang berlaku sangat mudah, pantas dan singkat.

Hasil kajian memperlihatkan usaha dan pendekatan pihak institusi zakat kearah era IR 4.0 mendapat sokongan yang baik dari kalangan masyarakat Islam bagi melaksanakan zakat dengan menggunakan aplikasi yang dibangunkan. Selari dengan kemudahan teknologi pada masa kini sedikit sebanyak telah mengubah tingkah laku pengguna terhadap penggunaan kepelbagaian platform aplikasi atau pembayaran atas talian. Secara tidak transformasi teknologi bukan lagi satu kemewahan tetapi keperluan bagi melancarkan aktiviti pembayaran, pembelian, memperolehi maklumat serta informasi dan kemudahan pembayaran yang lebih efektif untuk digunakan. Kecanggihan teknologi pada masa kini telah mempengaruhi aktiviti pembayaran zakat secara atas talian. Perkembangan teknologi juga dapat membantu meningkatkan kutipan zakat dan agihan zakat dengan lebih efektif. Secara spesifiknya, penggunaan platform digital yang berkesan akan memberikan respon yang positif terhadap institusi zakat dan masyarakat Islam.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya aplikasi zakat digital ini dilihat semakin berkembang dari semasa ke semasa dan selari dengan peredaran zaman. Institusi zakat merupakan organisasi yang diberi tanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat. Institusi zakat juga merupakan sebuah institusi awam yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih bersistematik, dalam melaksanakan aktiviti mengutip dan mengagihkan dana zakat. Oleh itu, sistem pengurusan dan pentadbiran zakat hari ini harus dikemas kini untuk mengikuti perkembangan teknologi terkini dan perubahan situasi kehidupan yang kita hadapi akibat pandemik Covid-19. Hasil kajian mendapati penerimaan dan niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital adalah ditahap yang tinggi di ketiga-tiga buah negeri yang dikaji iaitu, Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan juga Negeri Kedah. Penerimaan dan niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat ini mempunyai kriteria yang baik untuk digunakan pakai oleh masyarakat. Oleh itu, pihak institusi zakat perlu memperhalusi serta meningkatkan pencapaian, dan memastikan sistem aplikasi zakat yang dibangunkan ini sentiasa berkualiti.

RUJUKAN

Buku

Mohd Firdaus Abdul Hamid. 2017. *Faktor Penentu Pembayaran Zakat Harta Di Majlis Agama Islam Negeri Johor*. Skudai: Penerbit UTM.

Jurnal

Haniff, H.S. N. A., Long, M. N.H., & Ahmad, N.H. 2021. *Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Era Pandemi Covid-19–Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)*. International Journal of Islamic Business, 6(2), 1-14. <https://doi.org/10.32890/ijib2021.6.2>.

Siti Suriani Othman. 2020. *Inovasi Zakat Dalam Orientasi Pembangunan Jangka Panjang*. Universiti Sains Islam Malaysia. My Aid Conference.

Prosiding dan Seminar

Mohd Noor, Azura & Saad, Ram Al Jaffri. 2015. *Ejen Dan Impak Perubahan Dalam Pengurusan Wang Zakat*. 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2015).

Muhsin Nor Paizin. 2014. *Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9), 45, Kuala Lumpur.

Muhsin Nor Paizin, H. M. 2019. *Penerimaan Masyarakat Untuk Membayar Zakat Menerusi Saluran Atas Talian (Online): Satu Tinjauan Baharu*. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019), 332-337. Bangi : Kolej Universiti Islam Selangor .

Mulyadi, Hakim, A.R., Mulazid, A.S., Supriyono, & Meiria, E. 2018. *E-Zakat: Redesign The Collection And Distribution Of Zakat*. In International Conference On Islamic Finance, Economics And Business, Kne Social Sciences, 433–452. Doi 10.18502/Kss.V3i8.2525

Teh Suhaila Tajuddin, Nurnaddia Nordin, Aza Shahnaz Azman, Norzalina Zainudin. 2016. *Inovasi Agihan Zakat Secara Elektronik Melalui E-Dermasiswa*. Proceeding Of The 2nd International Conference On Economics & Banking, E-Isbn: 978-967-0850-40-5

Laman Sesawang

Johari Yap. Sinar Harian. 2020. *Aplikasi Zakat On Touch*. <https://www.sinarharian.com.my/article/71133/aplikasi-zakat-on-touch> (diakses pada 1 April 2023)

Khairul Izwan. 2015. *Aplikasi Pintar Ezakat: Medium Baru Dakwah Zakat*. <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/aplikasipintar-ezakat-medium-baru-dakwah-zakat/> (diakses pada 1 April 2023)

Mirza, A. A. Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam. 2021. *Aplikasi e-Wallet: Adakah Ia Mematuhi Syariah*. <https://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/453-aplikasi-e-wallet-adakah-ia-mematuhi-syariah> (diakses pada 1 April 2023)

Nurshafika Suhaimi. Berita Harian. 2021. *LZS Perkasa Pengurusan Zakat Ke Arah Digitalisasi*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/903308/lzs-perkasa-pengurusan-zakat-ke-arrah-digitalisasi> (diakses pada 30 Mac 2023)

Teck, Ong Boon. Sinar Harian. 2020. *19-ubah-rakyat-guna-e-wallet*. <https://www.sinarharian.com.my/article/90777/berita/dari-media-cina/covid-19-ubah-rakyat-guna-e-wallet> (diakses pada 30 Mac 2023).

Unit Media, Lembaga Zakat Negeri Kedah. 2019. *LZNK Perkenal 'Zakat on Touch' Mudahkan Pembayar Zakat*. <https://www.zakatkedah.com.my/lzkn-perkenal-zakat-on-touch-mudahkanpembayar-zakat/> (diakses pada 30 Mac 2023).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.